

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Tambahan  
Sidang Akademik 1995/96

Mei/Jun 1996

**JMS 312 - SEJARAH ASIA TENGGARA MODEN**

Masa: [3 jam]

---

**ARAHAN KEPADA CALON**

1. Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **DUA** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan.
2. Jawab **EMPAT** soalan. Jika calon menjawab lebih daripada empat soalan, hanya empat soalan pertama mengikut susunan dalam skrip jawapan akan diberi markah.

1. Bandingkan ciri-ciri penentangan oleh kaum petani pada zaman klasik dengan ciri-ciri gerakan nasionalis yang tercetus pada zaman kolonial.  
(100 markah)
2. Jelaskan konsep “politi galaktik” dan bincangkan sejauhmana ciri-cirinya dipamerkan oleh kerajaan Burma ATAU Siam pada zaman klasik.  
(100 markah)
3. Masalah kekurangan tenaga manusia pada zaman tradisional telah digantikan dengan masalah kekurangan tanah pada zaman penjajahan pula. Apakah sebab-sebabnya?  
(100 markah)
4. Pada pandangan Robert Taylor, pemerintahan kolonial telah menggantikan “kongkongan adat” dengan “belunggu peraturan”. Setujukah anda dengan pendapat ini? Bincangkan.  
(100 markah)
5. Kemunculan Viet Minh sebagai gerakan nasionalis yang unggul di Vietnam selepas Perang Dunia Kedua dikatakan adalah akibat ketegasan pihak Perancis membenteraskan gerakan-gerakan penentangan di negara itu. Adakah penilaian ini berasas?  
(100 markah)
6. Dalam tempoh perjuangannya sebagai sebuah gerakan nasionalis, AFPFL telah berjanji mempertahankan hak-hak kaum minoriti di Burma. Sejauhmanakah janji ini ditunaikan selepas golongan ini mengambil alih tampuk pemerintahan?  
(100 arkah)
7. Apakah takrif nasionalisme yang telah diajukan oleh Suntharalingam? Berdasarkan takrif ini, bolehkah Raja Vajiravudh (Rama VI) dianggap sebagai pengasas nasionalisme Thai?  
(100 markah)
8. Semua negara Tanah Besar Asia Tenggara, kecuali Vietnam Utara, pernah mengalami pemerintahan tentera yang telah membubarkan institusi-institusi demokratik. Pada pandangan anda, apakah sebab-sebabnya sistem demokratik tidak berjaya berakar umbi di negara-negara ini?  
(100 markah)

ooOoo